KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN : **1 MAC 2017**



## Masyarakat kini sudah mula buka mata terhadap Amanah: Hasnul

**BANTING** - Parti Amanah Negara (Amanah) Kuala Langat menyifatkan masyarakat kini sudah mula membuka mata dengan menerima parti itu sebagai platform untuk terus hidup bersatu padu.

Ia terbukti selepas Program Wanita Berinformasi 2017 anjuran Biro Integrasi Angkatan Wanita Amanah Negara (Awan) Selangor bersama Pusat Peduli Rakyat Dun Morib dan Awan Kawasan Kuala Langat yang diadakan di Kompleks Belia MDKL baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat berbilang kaum.



Hasnul (duduk, enam kiri) ketika hadir dalam Program Wanita Berinfomasi 2017 anjuran Biro Integrasi Awan Selangor bersama Pusat Peduli Rakyat Dun Morib dan Awan Kawasan Kuala Langat yang diadakan di Kompleks Belia MDKL.

Ketuanya, Hasnul Baharudin berkata, tidak dinafikan sebelum ini terdapat pihak yang tidak percaya akan parti berkenaan sehinggalah pelbagai aktiviti dijalankan di kawasan penduduk.

"Bila sudah adakan aktiviti, barulah mereka nampak ramai penyertaan daripada masyarakat.

"Paling tidak pun, pelbagai insentif kerajaan negeri wujudkan dapat dihebahkan kepada masyarakat berbilang kaum.

"Jadi bila parti dapat menyatupadukan rakyat tak kira bangsa senang jugalah kita nak buat kerja," katanya.

Mengulas berkaitan program itu, Hasnul memaklumkan program itu bertujuan memperkasa wanita dengan ilmu dan teknologi maklumat terkini.

# Didik masyarakat benci rasuah

### SPRM giat anjur sesi dialog bersama masyarakat, tak mahu peranan disalahertikan



Izham (duduk, tujuh kiri) bersama sebahagian ahli JKKKP, JPP, GDW Parlimen Kuala Langat sempena Sesi Dialog SPRM di Bilik Mesyuarat Umno Bahagian Kuala Langat .

**BANTING** - Peranan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bukan semata-mata menghukum pesalah rasuah sebaliknya lebih kepada usaha mendidik pesalah itu sendiri dan masyarakat secara amnya.

Ketua Penolong Kanan Penguasa SPRM, Izham Ibrahim berkata, berikutan itu pendedahan peranan dan fungsi SPRM amat penting agar ia tidak disalahertikan.

"Buat masa ni pelbagai penerangan dan taklimat cuba diberikan kepada umum bagi memberi pendedahan kepada masyarakat fungsi SPRM terutama kepimpinan sesebuah komuniti, agensi dan kampung bagi mengelak kekeliruan berlaku.

"Selain itu kami juga mahu didik masyarakat agar teguhkan integriti supaya tidak hanyut dengan apa saja sogokan. Saya juga percaya isu rasuah tidak hanya boleh dilihat dari sudut politik tetapi lebih kepada ke arah pembentukan negara bangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas memberi taklimat sempena Sesi Dialog SPRM Bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), Jawatankuasa Persatuan Penduduk (JPP), Penggerak Gerakan Desa Wawasan (GDW) Parlimen Kuala Langat di Bilik Mesyuarat Umno Bahagian Kuala Langat, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, beliau mengajak semua pihak berganding bahu dalam membanteras gejala rasuah terutamanya pemimpin di setiap kampung.

"Sesi penerangan ini sebenarnya membantu setiap pemimpin faham keadaan semasa selain mengelak diri terlibat daripada salah laku rasuah.

"Buat masa ini kita nak tengok semua kepimpinan di Kuala Langat peka dengan hal ini bagi meningkatkan integriti kepimpinan yang ada," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini.

